

**SEPATAH KATA OLEH YB DATUK DR EWON EBIN, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI**

**SEMPENA MAJLIS SEND OFF PELAJAR-PELAJAR DAN GURU-GURU BAGI
MENGIKUTI PROGRAM *STUDENTS ON ICE: ARCTIC EXPEDITION 2015***

26 JULAI 2015, 4.00 PETANG, HOTEL SAMA-SAMA, SEPANG

Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Salutation

Pertamanya, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada pengurusan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan dan semua yang hadir pada petang ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar dan guru-guru yang terpilih bagi mengikuti ekspedisi pendidikan ke Benua Artik di bawah program *Students On Ice : Arctic Expedition 2015* dari 27 Julai hingga 10 Ogos 2015.

Duta-duta kecil Malaysia ini akan berlepas ke Ottawa, Kanada pada tengah malam ini dengan menaiki kapal terbang sebelum meneruskan perjalanan menaiki kapal laut ke benua Artik pada 28 Julai 2015. Ekspedisi yang akan mereka tempuh ini bukan sahaja mewakili diri mereka bahkan membawa nama Malaysia, negara yang kita semua cintai.

Saya ingin berpesan kepada para peserta agar menjaga tata tertib, memberi fokus serta penyertaan yang aktif dan terbaik dalam setiap program nanti. Ingat, para peserta berperanan penting untuk mengharumkan nama Malaysia. Dan dengan semangat Malaysia Boleh, saya fikir kita harus dapat membuktikan bahawa kita sangat serius dan menghargai peluang yang diberikan ini. Sama-sama kita buktikan bahawa pelajar dan guru Malaysia juga adalah sama hebat dengan peserta-peserta dari negara lain.

Ambillah sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman baru melalui ekspedisi ini. Saya harap apa juga yang dipelajari dan ditempuhi di sana akan dikongsi dengan rakan-rakan sekolah dan komuniti masyarakat kita di sini nanti.

Peluang untuk berinteraksi dengan peserta dari negara-negara lain juga harus diambil dan seterusnya membentuk rangkaian atau *networking* yang akan dapat memberikan manfaat yang berterusan. Saya percaya *networking* yang bakal dibina akan dapat memperluaskan pengetahuan pelajar-pelajar kita ini.

Peserta-peserta yang terpilih kali ini adalah amat bertuah kerana program ekspedisi pendidikan Artik ini adalah merupakan ekspedisi yang pertama kali dianjurkan oleh MOSTI dan YPASM. Ekspedisi ini akan turut disertai seramai lebih 100 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dari seluruh dunia serta saintis, guru dan krew. Sepanjang ekspedisi ini nanti, peserta akan didedahkan tentang isu-isu semasa berkaitan benua Artik terutamanya isu perubahan iklim melalui sesi penerangan, eksperimen, lawatan ke komuniti penduduk Artik, sesi perbincangan berkumpulan dan bengkel-bengkel yang akan diadakan oleh saintis sepanjang ekspedisi ini nanti. Hadirin yang dihormati,

Pihak MOSTI percaya pembangunan modal insan yang lestari dalam bidang sains, teknologi dan inovasi adalah satu komponen penting dalam usaha kerajaan mengejar status negara berpendapatan tinggi. Justeru, usaha berterusan harus dilaksanakan oleh semua pihak dalam memastikan kelangsungan pakar-pakar saintis dan penyelidik negara yang dapat menyumbang kepada penerokaan ilmu, penjanaan ekonomi dan kelestarian alam.

Dalam hal ini, saya yakin ekspedisi pendidikan ke Benua Artik ini dapat mewujudkan gelombang baru dalam menarik minat pelajar untuk lebih mendekati bidang sains terutamanya bidang sains polar dan memberi inspirasi kepada guru-guru untuk memperkenalkan konsep baru dalam mendidik pelajar. Artik, sebagai sebuah kawasan yang paling terjejas dengan perubahan iklim adalah satu makmal terbuka yang dapat diterokai oleh peserta nanti dengan bimbingan saintis-saintis yang turut serta dalam ekspedisi ini.

Malaysia telah bergiat aktif dalam penyelidikan di benua polar khususnya Antartika sejak tahun 2009. Malaysia telahpun menyertai Triti Antartika pada tahun 2011. Adalah menjadi matlamat MOSTI supaya Malaysia memperoleh status negara konsultasi dalam Triti ini pada masa akan datang. Justeru, negara perlu terus menghasilkan saintis muda Polar secara mampan sebagai nadi kesinambungan bagi program penyelidikan Polar negara.

Ekspedisi ini telah dapat direalisasikan hasil kerjasama yang dijalin antara YPASM dan *Students on Ice Foundation*. Melalui kerjasama ini, YPASM telah diberi mandat untuk memilih dan mencalonkan guru-guru dan pelajar-pelajar dari Malaysia dan besarlah harapan saya pada tahun hadapan, 2016, MOSTI dan YPASM akan menghantar guru-guru dan pelajar-pelajar kita ke Antartika pula. Sukacita saya mengambil kesempatan ini, untuk menyeru badan-badan korporat dan institusi-institusi di luar sana untuk tampil memberikan sokongan dan tajaan bagi merealisasikan impian lebih ramai pelajar dan guru untuk terlibat dalam ekspedisi pendidikan Artik dan Antartika ini.

Pihak MOSTI dan YPASM telah berjaya mendapat sokongan dari Kerajaan Negeri Terengganu dan Majlis Amanah Rakyat atau MARA untuk pembiayaan kos penyertaan peserta ekspedisi tahun ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan pihak MARA di atas penajaan tersebut. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi sokongan penuh bagi membolehkan ekspedisi dan proses pemilihan peserta dijalankan dengan lancar.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuklah ibu bapa, pihak media dan lain-lain pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program *Students on Ice: Arctic Expedition 2015* ini. Semoga semuanya berjalan lancar dan peserta-peserta akan selamat pergi dan selamat pulang ke tanah air pada 13 Ogos 2015 nanti.

Sekian.